



PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

STPM 2022

Diumumkan oleh

**YBG. PROF. DATO' GS. DR.
MOHD EKHWAN BIN HAJI TORIMAN
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

yang juga


**NAIB CANSELOR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**



KHAMIS

13 Julai 2023

24 Zulhijah 1444H



"MENJANA PENTAKSIRAN JITU"



Majlis Peperiksaan Malaysia



@majlispeperiksaan



MEC MPM





**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
TAHUN 2022**

oleh

**YBHG. PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN
BIN HAJI TORIMAN**

**PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)
yang juga
NAIB CANSELOR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Bilangan Calon

1. Sukacita saya, sebagai Pengurus Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM 2022 adalah sebanyak 43,687 calon, meningkat sebanyak 3.11 peratus (1,318 calon) daripada 42,369 calon yang mendaftar STPM 2021.
2. Daripada 43,687 calon yang mendaftar, sebanyak 95.45 peratus calon (41,701 calon) telah hadir untuk menduduki peperiksaan pada ketiga-tiga semester STPM 2022.
3. Daripada 41,701 calon yang hadir, sebanyak 89.72 peratus atau 37,414 adalah calon kategori B40. Bermakna sebanyak 10.28% atau 4,287 calon adalah bukan dalam kalangan kategori B40.

Bilangan Calon Mengikut Aliran

4. Dari segi **kehadiran** mengikut **aliran**, bilangan calon aliran **Sains Sosial** yang hadir adalah sebanyak **37,704** calon (**90.42 peratus**), manakala bilangan calon aliran Sains yang hadir adalah sebanyak **3,997** calon (9.58 peratus).
5. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran wajib dan mempunyai bilangan calon **mendaftar** yang **tertinggi**, iaitu sebanyak 43,676 calon (**11** calon tidak mendaftar Pengajian Am).

PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON

6. Sukacita dimaklumkan bahawa **PNGK Nasional STPM 2022** telah **meningkat sebanyak 0.03 mata** berbanding tahun lepas, iaitu dari 2.79 pada tahun 2021 kepada 2.82 pada tahun 2022. PNGK Nasional pada tahun ini juga merupakan **PNGK Nasional tertinggi** sejak dilaksanakan peperiksaan STPM.
7. Sebanyak 1,184 calon atau **2.84** peratus calon telah mendapat PNGK 4.00. Bilangan calon yang mendapatkan PNGK 4.00 ini telah meningkat sebanyak **310** calon, iaitu daripada 874 calon pada tahun 2021 kepada 1,184 calon pada tahun 2022. Daripada 1,184 calon ini, 1,009 calon atau **85.22** peratus adalah dari kategori **B40**.
8. Dari segi pencapaian PNGK calon, secara keseluruhannya didapati **peratusan** longgokan calon STPM 2022 pada PNGK 3.75 dan ke atas ialah 9.59 peratus, PNGK 3.00 dan ke atas ialah 42.96 peratus, PNGK 2.75 dan ke atas ialah 56.97 peratus, dan

PNGK 2.00 dan ke atas ialah 89.75 peratus adalah **meningkat** berbanding tahun 2021.

9. Dengan peningkatan bilangan calon pada PNGK yang telah disebut ini, maka boleh dijadikan jangkaan, Insya-Allah, **TIADA HALANGAN** lebih ramai calon lepasan STPM 2022 diterima masuk ke Universiti Awam pada tahun ini berbanding lepasan STPM tahun 2021.
10. PNKG calon dalam suatu peperiksaan STPM dihitung berdasarkan purata nilai gred empat mata pelajaran terbaik termasuk **Pengajian Am**.

CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A BAGI SETIAP MATA PELAJARAN

11. Dalam peperiksaan STPM 2022, bilangan calon yang mendapat **5A dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil** telah BERTAMBAH daripada 36 calon dalam peperiksaan STPM 2021 kepada 38 calon dalam peperiksaan STPM 2022. Daripada 38 calon yang mendapat 5A ini, 26 daripadanya adalah calon kategori **B40**.
12. Begitu juga dengan bilangan calon yang mendapat 4A dalam peperiksaan STPM 2022 telah BERTAMBAH daripada 860 calon pada tahun 2021 kepada 1,158 calon. Pertambahan adalah sebanyak 298 calon atau 34.65 peratus daripada tahun 2021. Daripada 1,158 calon ini juga, 993 daripadanya adalah calon kategori **B40**.

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

13. Dalam peperiksaan STPM, **lulus penuh** adalah daripada **gred C ke gred A**, lulus sebahagian adalah antara **gred C- ke gred D**, dan gagal adalah pada **gred F**.
14. **Peratusan calon** STPM 2022 yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran berbanding STPM 2021 didapati telah **MENINGKAT** sebanyak **1.31** peratus atau **1,120 calon**, iaitu daripada 73.70 peratus (30,160 calon) pada tahun 2021 kepada **75.01** peratus (**31,280 calon**) pada tahun 2022.
15. Untuk makluman, syarat am bagi permohonan kemasukan ke Universiti Awam/Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikeluarkan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi program pengajian lepasan STPM ialah mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dengan **gred C** dalam **tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am**.

BILANGAN CALON LAYAK MENDAPAT SIJIL STPM 2022

16. Bagi peperiksaan STPM 2022, daripada 41,701 calon yang hadir, sebanyak **99.98 peratus** atau **41,694 calon** layak dianugerahkan Sijil STPM 2022, manakala hanya 0.02 peratus atau **tujuh calon** sahaja tidak layak mendapat sijil ini. Syarat layak untuk mendapatkan Sijil STPM ialah calon mesti memperoleh **lulus sebahagian sekurang-kurangnya dalam satu mata pelajaran**.

PRESTASI MATA PELAJARAN

17. Secara keseluruhannya, **kesemua 23 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2022 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 60 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
18. Dalam peperiksaan STPM 2022, **tiga mata pelajaran** telah menunjukkan **peningkatan melebihi 3.00 peratus** dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2021, iaitu mata pelajaran **Literature in English**, **Pengajian Perniagaan**, dan **Bahasa Arab**. **Tiga mata pelajaran** telah menunjukkan **penurunan** melebihi -3.00 peratus dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2021, iaitu mata pelajaran **Bahasa Cina**, **Chemistry**, dan **Mathematics T**.
19. **17 mata pelajaran** STPM lain tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang Lulus Penuh antara tahun 2022 dengan 2021 adalah kurang daripada 3.00 peratus.

PENETAPAN STANDARD

20. Penetapan standard STPM 2022 dilaksanakan dengan efisien melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2022 dengan dinasihati dan diselia oleh **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom**, yang diwakili oleh Mr. Mark Dowling, Penasihat Standard Cambridge Assessment. Pemantauan berterusan bagi tujuan pengekalan standard ini telah dilaksanakan semenjak STPM 1982 dan pengiktirafan bahawa Sijil STPM setara dengan GCE A-Level

kelolaan Cambridge Assessment International Education, UK ini tercatat di belakang Sijil STPM.

21. **Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2022 akan dikeluarkan pada hari ini, Khamis, 13 Julai 2023.**
22. Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/persendirian individu boleh mendapatkan keputusan masing-masing melalui kaedah yang berikut:
 - (i) Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta boleh memperoleh keputusan peperiksaan STPM 2022 dari sekolah masing-masing mulai jam **11:30 pagi pada 13 Julai 2023 (Khamis)**; dan/atau
 - (ii) secara dalam talian di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STPM Tahun 2022 mulai jam **11:30 pagi pada 13 Julai 2023 (Khamis)**; dan/atau
 - (iii) secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan **ringkasan keputusan** peperiksaan STPM 2022 dengan menaip **STPM<jarak>No.K/P<jarak>Angka Giliran** dan hantar ke15888. Sistem ini akan diaktifkan mulai jam **11:00 pagi pada 13 Julai 2023 (Khamis)** sehingga jam 12:00 tengah hari pada 23 Julai 2023 (Ahad).

CALON TERBAIK

23. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam peperiksaan STPM 2022, Majlis Peperiksaan Malaysia telah memilih **17 pelajar terbaik** mengikut kategori untuk diberikan anugerah berupa wang tunai bernilai RM1,000, plak, dan sijil dari Majlis Peperiksaan Malaysia. Kategori pelajar terbaik STPM 2022 tersebut adalah seperti berikut.
- A. **11 pelajar** terbaik keseluruhan
- B. **Seorang** pelajar terbaik kategori **B40**
- C. **Seorang** pelajar terbaik kategori **Orang Asli**
- D. **Empat** pelajar terbaik kategori **Calon Berkeperluan Pendidikan Khas**
- (i) **Buta** (seorang)
- (ii) **Rabun** (seorang)
- (iii) **Autistik** (seorang)
- (iv) **Spastik** (seorang)
24. Di samping hadiah yang diberikan oleh MPM kepada Calon Berkeperluan Pendidikan Khas kategori buta, **Persatuan Orang bagi Buta Malaysia (Malaysia Association for the Blind)** juga telah bermurah hati untuk menghadiahkan ‘**alat bantu**’ untuk pembelajaran kepada calon terbaik kategori buta ini.
25. MPM juga akan memberikan anugerah kepada
- (a) **Seorang** pelajar terbaik ***Malaysian University English Test (MUET)*** Tahun 2022; dan

(b) **Seorang** pelajar terbaik Ujian **Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW)** Tahun 2022

26. Sebagaimana pada tahun 2019, pada tahun ini juga, **Persatuan Sejarah Malaysia** akan menyumbangkan Anugerah Pelajar Terbaik Mata Pelajaran Sejarah kepada **seorang** pelajar STPM 2022. Diharapkan inisiatif seperti ini akan turut diikuti oleh persatuan akademik yang lain bagi menarik minat calon untuk mengambil STPM.
27. Insya-Allah anugerah kepada pelajar-pelajar terbaik ini akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek.

PENUTUP

28. MPM mempunyai jalinan akrab dan akan meneruskan kolaborasi yang baik dengan **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom** bagi memastikan sijil STPM sejak tahun 1982 diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan STPM telah diiktiraf di seluruh dunia. Calon boleh menggunakan Sijil STPM untuk memohon ke universiti luar negara.
29. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian seperti yang telah dianugerahkan kepada MPM dengan **Sijil Sistem Pengurusan**

Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934) yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

30. Di samping itu, MPM akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan **International Association for Educational Assessment (IAEA), USA**, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pentaksiran selaras dengan keahlian MPM sebagai **Ahli Tetap IAEA** semenjak tahun 1984.
31. Bagi memastikan STPM sentiasa relevan dengan perkembangan semasa bagi memenuhi keperluan negara dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, MPM kini dalam peringkat akhir **permurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM** sedia ada. Fokus penyemakan merangkumi kerelevanan sukatan pelajaran peperiksaan dari aspek matlamat, objektif (ilmu, kemahiran, dan nilai), tajuk yang perlu diajar/belajar, waktu pengajaran bagi setiap tajuk, hasil pembelajaran yang sepatutnya dicapai oleh calon, skim pentaksiran (format soalan dan wajaran) pada setiap semester. Sukatan Pelajaran Peperiksaan yang dimurnikan ini dijangkakan akan digunakan **mulai peperiksaan Semester 1 STPM 2026**.
32. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2022 dan MUET 2022.
33. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa, penjaga, guru, dan kepada semua pelajar STPM 2022.

34. Bagi pelajar yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan STPM yang akan datang.
35. Kepada calon yang akan menduduki STPM 2023, diharapkan kejayaan calon STPM 2022 dapat dijadikan suntikan semangat dan motivasi.
36. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis yang mewakili Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia yang lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua, khususnya kepada;
 - (a) YB Menteri Pendidikan, YB Puan Fadhlina binti Sidek,
 - (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia,
 - (c) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia,
 - (d) Ahli-Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia,
 - (e) Ketua Eksekutif MPM,
 - (f) Warga MPM,
 - (g) Cambridge Assessment International Education, UK,
 - (h) Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia,
Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah,
 - (i) Lembaga Peperiksaan,
 - (j) Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi,
 - (k) Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta,
 - (l) Pengetua, guru, wakil industri,
 - (m) Persatuan bagi Orang Buta Malaysia (*Malaysia Association for the Blind*)
 - (n) ibu bapa, calon, masyarakat, dan

- (o) tidak ketinggalan juga kepada **pihak media** yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia (Malaysia Brand) yang menjadi kebanggaan kita.
37. Dengan naiknya PNGK Nasional pada tahun ini dan dengan reputasi STPM yang diiktiraf di dalam negara dan diperingkat di antarabangsa dari segi **standard serta kualitinya**, saya menggalakkan lebih ramai murid SPM mengambil STPM kerana melalui STPM banyak menawarkan peluang pekerjaan dan mempunyai pilihan untuk mengambil kursus-kursus yang besar di IPT.

Akhir kata tahniah sekali lagi kepada penerima anugerah dan tahniah kepada MPM kerana telah berjaya mengelolakan MPM dengan jayanya sejak tahun 1982. Sekali lagi syabas MPM.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN
BIN HAJI TORIMAN**
Pengerusi Majlis
Majlis Peperiksaan Malaysia
yang juga
Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

13 JULAI 2023



Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah *MUET on Demand* (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan *Cambridge Assessment, United Kingdom* sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah disejajarkan dengan *The Common European Framework of Reference for Language* (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.

**Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan**

+603-61261600

+603-61361488

ceo@mpm.edu.my

www.mpm.edu.my